Maybank Manchester United 15-Year Anniversary Apply & Win Campaign 2026

Maybank Manchester United 15-Year Anniversary Apply & Win Campaign 2026 ("Campaign") is organised by Malayan Banking Berhad (196001000142) ("Maybank"). By participating in this Campaign, the Eligible Cardmembers (as defined in Clause 2) hereby expressly agree to be bound by these Terms & Conditions and any decisions made by Maybank in respect of this Campaign shall be final and binding.

1. Campaign Period
    a. The Campaign commences on 1st September 2026 to 31st December 2026, both dates inclusive ("Campaign Period").

2. Eligibility
    a. Subject to these Terms and Conditions, the Campaign is open to all individuals including Maybank's existing customers who are residents of Malaysia and do not have any existing MasterCard, Visa, & American Express credit card issued by Maybank / Maybank Islamic ("Maybank Credit Card") and who have attained the age of 21 years at the time of making an application for Maybank Manchester United Visa Credit Card and Maybank Manchester United Visa Infinite Credit Card (collectively referred to as "Maybank Manchester United Credit Cards") as a principal cardmember and such application have been approved during the Campaign Period ("Eligible Cardmember").

    b. Individuals who is eligible under Clause 2(a) but whose application for Maybank Manchester United Credit Cards is yet to be approved shall hereinafter be referred to as "Applicant(s)".

    c. An Applicant may be entitled to participate in more than one Maybank Credit Card promotions organized for or in conjunction with the acquisition of a new credit card customer wherein the Applicant may also be similarly entitled to other gifts or rewards under the respective promotions. In the event that the promotion periods for such other promotions overlap with the Campaign Period, the Applicant understands and agrees that he/she shall only be entitled to receive the gifts or rewards from the first Maybank Credit Card approved by Maybank via the channel that the Applicant had applied from, regardless of the number of successfully approved applications in such other promotions and/or this Campaign.

    d. The following individuals are NOT eligible to participate in this Campaign:

i. Permanent and/or contract employees of Maybank Cards Marketing Department;
ii. Any Eligible Cardmember who had cancelled any of his/her Maybank Credit Card within six (6) months before the date of application and is reapplying for another Maybank Credit Card under the Campaign;
iii. Present holders of any Maybank Credit Card(s) whether issued in Malaysia or otherwise; and
iv. Any person who has committed or suspected of committing any misconduct, fraudulent or wrongful acts in relation to their account(s), any facility, and/or any services granted by Maybank.

3. Campaign Mechanics
   a. The first 1,500 Eligible Cardmembers with their Maybank Manchester United Cards approved and spend a minimum of RM150 on Retail Spend within sixty (60) days from their card approval date will be eligible to receive 15,000 TreatsPoints ("Prize").
   b. Supplementary Maybank Manchester United Cardmembers are not eligible to participate in or receive any rewards under this Campaign.

4. Prize Fulfilment
   a. Prize fulfilment will be carried out within twelve (12) weeks from the end of Campaign Period. Winners will be notified about the Prize either in writing or SMS to the mobile number that is provided to Maybank at the point of application or any other method of communication which Maybank deems appropriate.

      Example: The Campaign ends on 31 December 2026, the fulfilment is expected to be done within 12 weeks starting from 31 December 2026. The fulfilment is expected to be completed latest by 25 March 2027.

   b. The Prize awarded to Winners are non-transferrable and non-exchangeable for cash or of any kind, whether in part or in full.

   c. If there is any dispute or non-receipt of the Prizes, Winners are required to contact Maybank Customer Service at 1300 88 6688 by no later than 25 March 2027 . No request for any inquiry shall be entertained after 25 March 2027.

   d. Maybank reserves the right to disqualify an Eligible Cardmember from participating in the Campaign and/or from receiving the Prize(s), due to the following:

i. where the minimum payment or any amounts due and payable under any of the Eligible Cardmember's Maybank Credit Card account(s) are not settled on or before its due date;
ii. if the Eligible Cardmember's Maybank Credit Card account(s) is cancelled, closed, or terminated by any reason whatsoever, either voluntarily or involuntarily on or before the fulfilment of the Prize(s); and/or
iii. if the Eligible Cardmember has committed or is suspected of committing any misconduct, fraudulent or wrongful acts.

5. Retail Spend
   a. "Retail Spend" means the purchase of any goods or services (local or international) with the use of the Maybank Manchester United Credit Cards and may include, at Maybank's discretion, any card transaction (inclusive e-commerce transactions) as may be determined by Maybank except for the following transactions:
      i. instalments paid under Maybank's Flexi Payment Plan, Easy Payment Plan transactions registered and commenced before the Campaign Period, Credit Shield Plus, Dial For Cash, Balance Transfer, Balance Transfer via Instalment Plan, eWallets and Cash Advance as well as Easy Payment Plan transaction;
      ii. any disputed, cancelled, refunded, unauthorized or fraudulent purchase transactions;
      iii. payment of annual Maybank Credit Card membership fees;
      iv. interest/ management charge payments, late payment fees, charges for cash withdrawals, any taxes imposed by law and any other form of service/miscellaneous fees; and
      v. transactions made by the Eligible Cardmember with any merchant associated with or controlled by them (whether as employee, employer, shareholder or director). i.e. transactions by Eligible Cardmember with any corporation or business entity in which he/she is an employee or employer or works with or has shares or interest in or is a director of.
6. General Terms & Conditions
   a. Maybank shall not be responsible or held liable in respect of technical failures of any kind whatsoever, intervention, interruptions, and/or electronic or human errors in the administration and/or processing of the transaction performed via the MAE app, Maybank2u Biz, Maybank2u, or Maybank2e provided the same is not caused by Maybank.

   b. Maybank reserves the right to withdraw, cancel, suspend, extend or terminate this Campaign earlier in whole or in part and reserves the right to modify any of the terms and conditions contained herein, from time to time by giving at least minimum of twenty one (21) days ("day" shall have the same meaning as calendar day) prior notice thereof,

the notice of which shall be posted on Maybank2u website at www.maybank2u.com.my or through any other channel determined appropriate by Maybank. It shall be the responsibility of the Eligible Cardmembers to be informed of or otherwise seek out any such notice validly posted.

c. By participating in this Campaign, Eligible Customers agree to access the Maybank2u website at www.maybank2u.com.my on a regular basis to view the terms and conditions herein and seek clarification from Maybank should any of the Terms & Conditions be not fully understood.

d. By participating in this Campaign, Eligible Customers agree to be bound by the Terms and Conditions herein and agree and consent to allow his/her personal data being collected, processed and used by Maybank in accordance with the Maybank Privacy Statement, which may be viewed on www.maybank2u.com.my ("Maybank's Privacy Statement") and the PDPA Form for Individual Customers.

e. In addition and without prejudice to the terms in the Maybank's Privacy Statement and the PDPA Form for Individual Customers, Eligible Customers agree and consent to his/her personal data or information being collected, processed and used by Maybank for:

   i. the purposes of the Campaign; and
   ii. marketing and promotional activities conducted by Maybank, including but not limited to any form of advertising or publicity media and materials such as audio and/or visual recordings published through newspapers, television networks, radio stations or online and digital media and on the Internet. Marketing and promotion activities include without limitation the use and/or publication of any details provided in and/or in connection to the entries, interviews material as well as responses and related photographs. In this regard, Eligible Customers agree to co-operate and participate in all advertising and publicity activities of Maybank in relation to the Campaign.

*Note: "PDPA" refers to Personal Data Protection Act (2010).

f. Maybank and its officers, servants, employees, representatives and/or agents (including without limitation, any third party service providers engaged by Maybank for the purposes of this Campaign) shall not be liable to Eligible Customers in this Campaign for any direct, indirect, special or consequential loss or damage (including but not limited to, loss of income, profits or goodwill) arising from or in connection with this Campaign unless caused by any negligence or omission by Maybank.

g. Maybank shall not be liable for any default of its obligation under this Campaign due to any force majeure events which include but not limited to acts of God, civil commotion, acts of war, strike, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm, epidemic and pandemic or any events and circumstances of whatever nature beyond the reasonable control of Maybank.

h. Maybank may disqualify/reject any Eligible Customer who does not comply with the terms and conditions stated herein and/or are found or suspected to be tampering with the Campaign and/or its process or the operations of this Campaign which includes fraudulent activities involving any act of deceit and/or deception and/or cheating with regards to the Campaign.

i. These Terms and Conditions shall be governed by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

For information, enquiries, feedback and/or complaints related to this Campaign, please contact Maybank's Customer Care hotline at 1 300 88 6688 or +603 7844 3696. Alternatively for feedback and/or complaints, Eligible Cardmembers may choose to e-mail Maybank via the feedback form at Maybank2u website www.maybank2u.com.my.

Kempen Mohon & Menang Ulang Tahun Ke-15 Maybank Manchester United 2026

Kempen Mohon & Menang Ulang Tahun Ke-15 Maybank Manchester United 2026 ("Kempen") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) ("Maybank"). Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 2) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

1. Tempoh Kempen
    a. Kempen bermula dari 1 September 2026 hingga 31 Disember 2026, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("Tempoh Kempen").

2. Kelayakan
    a. Tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, Kempen ini terbuka kepada semua individu Baharu kepada Bank dan/atau pelanggan sedia ada Maybank yang merupakan pemastautin Malaysia dan tidak mempunyai sebarang kad kredit MasterCard, Visa, & American Express yang dikeluarkan oleh Maybank / Maybank Islamic ("Kad Kredit Maybank") dan telah mencapai umur 21 tahun pada tarikh permohonan bagi Kad Kredit Maybank Manchester United Visa dan Kad Kredit Maybank Manchester United Visa Infinite (secara kolektif dirujuk sebagai "Kad Kredit Maybank Manchester United") sebagai Pemegang Kad Utama dan permohonan tersebut telah diluluskan dalam Tempoh Kempen ("Pelanggan Layak").

    b. Pelanggan Layak yang memohon Kad Kredit Maybank Manchester United di bawah Kempen ini selepas ini akan dirujuk sebagai "Pemohon".

    c. Seorang Pemohon boleh menyertai lebih daripada satu promosi Kad Kredit Maybank yang dianjurkan untuk atau berkaitan dengan pemerolehan pelanggan kad kredit baharu, di mana Pemohon juga mungkin layak menerima hadiah atau ganjaran lain di bawah promosi berkenaan. Sekiranya tempoh promosi-promosi lain tersebut bertindih dengan Tempoh Kempen ini, Pemohon memahami dan bersetuju bahawa beliau hanya akan layak menerima hadiah atau ganjaran daripada Kad Kredit Maybank pertama yang diluluskan oleh Maybank melalui saluran permohonan yang digunakan, tanpa mengira bilangan permohonan yang berjaya diluluskan di bawah promosi lain dan/atau Kempen ini.

    d. Individu berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:

- Pekerja tetap dan/atau kontrak dari Jabatan Pemasaran Kad Maybank;
- Mana-mana Pelanggan Layak yang telah membatalkan Kad Kredit Maybank mereka dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh permohonan dan memohon semula Kad Kredit Maybank di bawah Kempen ini;
- Pemegang semasa mana-mana Kad Kredit Maybank, sama ada yang dikeluarkan di Malaysia atau di luar negara;
- Mana-mana individu yang telah melakukan atau disyaki melakukan salah laku, penipuan, atau perbuatan salah berkaitan dengan akaun mereka, sebarang kemudahan, dan/atau perkhidmatan yang diberikan oleh Maybank.

3. Campaign Mechanics
   a. Untuk layak menyertai Kempen ini, pelanggan hendaklah berjaya memohon dan mendapat kelulusan bagi Kad Kredit Maybank Manchester United Visa atau Kad Kredit Maybank Manchester United Visa Infinite sepanjang Tempoh Kempen.
   b. Seramai 1,500 Pemegang Kad Utama pertama yang diluluskan dan membuat Perbelanjaan Runcit minimum sebanyak RM150 dalam tempoh enam puluh (60) hari kalendar dari tarikh kelulusan kad akan layak menerima 15,000 TreatsPoints.
   c. Pemegang Kad Tambahan Maybank Manchester United tidak layak untuk menyertai atau menerima sebarang ganjaran di bawah Kempen ini.

4. Pemenuhan Hadiah
   a. Pemenuhan hadiah akan dibuat dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen. Pemenang akan dimaklumkan mengenai Hadiah sama ada secara bertulis atau melalui SMS ke nombor mudah alih yang diberikan kepada Maybank semasa permohonan, atau melalui kaedah komunikasi lain yang difikirkan sesuai oleh Maybank.

      Contoh: Jika Kempen tamat pada 31 Disember 2026, pemenuhan dijangka dibuat dalam tempoh 12 minggu bermula dari tarikh tersebut, dan dijangka selesai selewat-lewatnya pada 25 Mac 2027.

   b. Hadiah yang diberikan kepada Pemenang tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau apa-apa bentuk lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

   c. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau ketidakterimaan Hadiah, Pemenang perlu menghubungi Khidmat Pelanggan Maybank di 1300 88 6688

selewat-lewatnya pada 25 Mac 2026 untuk membuat pertanyaan. Sebarang permintaan selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.

b. Maybank berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak daripada menyertai Kempen dan/atau menerima Hadiah sekiranya:
   - Bayaran minimum atau apa-apa jumlah yang perlu dibayar di bawah akaun Kad Kredit Maybank Pelanggan Layak tidak diselesaikan pada atau sebelum tarikh tamat tempoh;
   - Akaun Kad Kredit Maybank Pelanggan Layak dibatalkan, ditutup, atau ditamatkan atas apa-apa sebab sama ada secara sukarela atau tidak sebelum pemenuhan Hadiah; dan/atau
   - Pelanggan Layak telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang salah laku, penipuan, atau perbuatan yang tidak wajar.

5. <u>Perbelanjaan Runcit</u>
   a. "Perbelanjaan Runcit" bermaksud pembelian mana-mana barangan atau perkhidmatan (tempatan atau antarabangsa) dengan menggunakan Kad Kredit Maybank Manchester United dan mungkin termasuk, mengikut budi bicara Maybank, sebarang transaksi kad (urus niaga e-dagang termasuk) sebagaimana yang mungkin. ditentukan oleh Maybank kecuali untuk transaksi berikut:
      i. ansuran yang dibayar di bawah Pelan Pembayaran Flexi Maybank, transaksi Pelan Pembayaran Mudah baharu dan sedia ada yang didaftarkan dan dimulakan sebelum Tempoh Kempen, Credit Shield Plus, Dail Untuk Tunai, Pindahan Baki, Pindahan Baki melalui Pelan Ansuran, eDompet dan Pendahuluan Tunai;
      ii. sebarang transaksi pembelian yang dipertikaikan, dibatalkan, dibayar balik, tanpa kebenaran atau penipuan;
      iii. pembayaran yuran keahlian tahunan Kad Kredit Maybank;
      iv. bayaran faedah/ Caj Pengurusan, yuran pembayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai, apa-apa cukai yang dikenakan oleh undang-undang dan apa-apa bentuk lain perkhidmatan/yuran pelbagai; dan
      v. ransaksi yang dibuat oleh Pelanggan yang Layak dengan mana-mana pedagang yang dikaitkan dengan atau dikawal oleh mereka (sama ada sebagai pekerja, majikan, pemegang saham atau pengarah). iaitu urus niaga oleh Pelanggan yang Layak dengan mana-mana perbadanan atau entiti perniagaan di mana dia adalah pekerja atau majikan atau bekerja dengan atau mempunyai saham atau kepentingan dalam atau merupakan pengarah.

1. <u>Terma & Syarat Am</u>

a. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.

b. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.

c. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.

d. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("*Maybank Privacy Statement*") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

e. Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:
    i. tujuan Kempen; dan
    ii. aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

f. Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungan terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuaian atau pengabaian oleh Maybank.

g. Maybank tidak akan bertanggungan bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.

h. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.

i. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.